



## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### INSENTIF DISKAUN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN MELALUI BELANJAWAN 2024

1. Pembentangan Belanjawan 2024 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Malaysia pada 13 Oktober 2023 (Jumaat) telah memberikan pelbagai insentif kepada masyarakat Malaysia termasuk peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
2. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat berterima kasih dan komited untuk melaksanakan pemberian insentif diskauan bayaran balik pinjaman PTPTN bermula 14 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024 melalui Belanjawan 2024 seperti berikut:
  - i) Diskaun 10 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
  - ii) Diskaun 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
  - iii) Diskaun 15 peratus untuk bayaran secara potongan gaji atau debit terus berjadual.
3. Pengurus PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim berkata "Sebagai sebuah kerajaan Malaysia Madani yang bersifat ihsan, peduli, berkasih sayang dan merasai keperitan rakyat, Kerajaan telah memberikan insentif diskauan bayaran balik pinjaman PTPTN melalui Belanjawan 2024. Usaha murni ini merupakan keprihatinan Kerajaan ke atas peminjam PTPTN yang bersungguh-sungguh membayar balik pinjaman walaupun dalam keadaan ekonomi yang getir di samping untuk memastikan PTPTN kekal mampan. Semoga insentif ini dapat membantu peminjam PTPTN di dalam membuat bayaran balik. Sehubungan itu, perincian berkenaan pelaksanaan insentif diskauan bayaran balik pinjaman PTPTN ini akan dimaklumkan oleh PTPTN dalam masa terdekat."

4. Untuk sebarang pertanyaan, peminjam boleh melayari portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau menghubungi PTPTN melalui saluran berikut:

- *Careline* PTPTN di 03 - 2193 3000  
(Beroperasi Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang)
- *Live Chat* di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)
- e-Aduan di <https://eaduan.ptptn.gov.my/>
- Eksekutif Pemasaran PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>
- Media Sosial Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional